

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi
Sent: Friday, 13 January, 2017 5:13 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor
Subject: 30 PELAJAR UUM MENGIKUTI PROGRAM UUM ENTREPRENEURSHIP CHALLENGE 2016/2017



**Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi**

CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE

Universiti Utara Malaysia

13 JANUARI 2017 / 14 RABIULAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

**30 PELAJAR UUM MENGIKUTI PROGRAM UUM ENTREPRENEURSHIP
CHALLENGE 2016/2017**



CEDI ONLINE : Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan landasan utama dan medan untuk melahirkan tenaga kerja yang produktif dan profesional. Malahan tidak dapat disangsikan bahawa keusahawanan memainkan peranan yang amat kritikal dalam ekonomi dunia di mana keusahawanan merupakan daya penggerak kepada pertumbuhan ekonomi dan mencipta peluang kerja.

Sejajar dengan itu, Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) sedang melaksanakan Program *UUM Entrepreneurship Challenge 2016/2017* (UUMEC 2016/2017) bermula 13 hingga 19 Januari 2017 bertempat di Bilik Simulasi Perniagaan CEDI. Sebanyak 30 pelajar UUM daripada pelbagai program telah menyahut cabaran untuk menyertai UUMEC 2016/2017 ini yang mendapat kerjasama daripada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Malaysia Practice Enterprise Network Centre (MyPEC).

Taklimat program telah disampaikan oleh Pengarah Eksekutif CEDI, Dr. Mohd Najib Mansor. Beliau berkata, program ini adalah bertujuan untuk menyediakan satu platform kepada pelajar bagi merasai suasana menjalankan perniagaan sebenar secara maya dan juga meningkatkan tahap kesedaran untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan utama (*first choice career*).

Selain itu, program ini juga dapat membantu pelajar dan universiti dalam usaha melahirkan graduan yang holistik serta mempunyai kemahiran insaniah

Tamat

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my

smatb2017



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.